

**PASAL KETIGA : PENTADBIRAN AGAMA ISLAM
SELEPAS MERDEKA**

FASAL KETIGA - PENTADBIRAN AGAMA ISLAM SELEPAS MERDEKA

3.1 Enakmen Pentadbiran Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Negeri Pahang 1956

Sejak British campurtangan dalam pemerintahan negeri Pahang, beberapa Undang-undang Islam telah digubal, dipinda dan dimansuhkan. Ia dikenali dengan nama Undang-undang Negeri Melayu Bersekutu (F.M.S). Undang-undang Pentadbiran Agama Islam yang pertama ialah Undang-undang bil. 2 tahun 1904. Termasuk di dalam kandungan undang-undang ini ialah Undang-undang Mahkamah F.M.S Chapter 2, Undang-undang Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu F.M.S Chapter 196 dan Undang-undang Pendaftaran Perkahwinan dan Ceraai Orang-orang Islam F.M.S Chapter 167.

Pada tahun 1937, satu lagi undang-undang digubal dan dikenali sebagai Undang-undang Pahang bil. 6 tahun 1937. Undang-undang ini adalah merupakan tambahan kepada Undang-undang tahun 1904, kerana kandungan yang terdapat di dalamnya memperuntukkan satu bahagian berkenaan dengan kesalahan-kesalahan bagi orang Islam.

Kemudian, pada tahun 1949, satu lagi undang-undang digubal, yang dikenali dengan nama Enakmen Pentadbiran Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Pahang bil. 5 tahun 1949.¹ Dan di akhir pemerintahan British, pada tahun 1956, telah digubal satu undang-undang terakhir sebelum merdeka iaitu Undang-undang no. 5 tahun 1956. Undang-undang (enakmen) ini telah memansuhkan semua undang-undang terdahulu.² (lihat lampiran 1)

3.1.1 - Kandungan Enakmen No. 5, 1956

Enakmen no. 5 tahun 1956 telah memperuntukkan sepuluh bahagian (fasal) dengan kandungan seksyen berjumlah 179 seksyen dan 263 ceraiian (sub-section). Peruntukan bahagian-bahagian dalam enakmen ini adalah seperti berikut:

<u>Bahagian</u>		<u>Tajuk</u>
Pertama	:	Pendahuluan (Preliminary)
Kedua	:	Majlis
Ketiga	:	Kehakiman Mahkamah Syariah
Keempat	:	Tabung Kevangan
Kelima	:	Masjid

Keenam	:	Perkahwinan dan Perceraian
Ketujuh	:	Mafkah Tanggungan (Maintenance of Defendants)
Kelapan	:	Mualaf
Kesembilan	:	Kesalahan
Kesepuluh	:	Perkara Am

Di sini, penulis akan menerangkan secara ringkas kandungan-kandungan yang terdapat di dalam enakmen ini, bermula dari bahagian kedua hingga kesembilan, seperti-mana berikut:

Bahagian Kedua : Majlis

Bahagian ini memperuntukkan dua puluh sembilan (29) seksyen, bermula dari seksyen 5 hingga ke seksyen 44. Kandungan kasar dalam peruntukan ini termasuk penubuhan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Pahang, peraturan mesyuarat dan kuasa untuk melaksanakan hal ehwal agama.

Menurut seksyen 5 enakmen ini, sebuah Majlis ditubuhkan dengan nama Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Pahang. Majlis berfungsi sebagai pembantu dan penasihat kebawah Duli Yang Maha Mulia (DYMM)

Sultan dalam semua hal yang berkaitan dengan Agama Islam dan Adat Melayu (seksyen 30). Ia merupakan kuasa tertinggi (chief authority) yang diberikan kepada sebuah badan untuk melaksanakan hal ehwal agama yang terkandung didalam enakmen ini.

Ahli-ahli dalam Majlis ini terdiri daripada seorang Yang Di pertua, seorang setiausaha dan tidak lebih dari enam orang ahli yang lain. Semua mereka ini dilantik oleh DYMM Sultan Pahang (seksyen 13 dan 14).

Yang Di Pertua bertindak sebagai pengerusi bagi setiap mesyuarat Majlis. Ia mempunyai kuasa an bagi mengawal semua perbahasan dan perjalanan mesuarat dan bertanggungjawab ke bawah DYMM Sultan (seksyen 19 dan 20). Mengenai kuasa setiausaha Majlis, enakmen asal ini tidak memperuntukkan secara khusus berkenaan dengannya. Umumnya, tugas setiausaha adalah membantu dan melakukan apa-apa yang diarah oleh Yang Di Petua.

Bahagian ini juga memperuntukkan berkenaan dengan melantik seorang Mufti (seksyen 32) dan kuasa mengeluarkan fatwa (seksyen 33).

Bahagian Ketiga : Kehakiman Mahkamah Syariah

Bahagian ini mengandungi empat kandungan kasar iaitu kehakiman Mahkamah Syariah, prosedur umum, prosedur acara jenayah dan prosedur acara civil. Peruntukan keseluruhan seksyen yang terdapat di dalamnya berjumlah lima puluh seksyen, bermula dari seksyen 35 hingga ke seksyen 85.

Dalam seksyen 35 dan 36 serta ceraiannya, diperuntukkan kuasa kepada Sultan untuk melantik Kadi Besar dan Kadi-kadi daerah, serta kuasa menubuhkan Mahkamah Kadi Besar bagi negeri Pahang dan Mahkamah Kadi untuk setiap daerah.

Mahkamah Kadi Besar diberi kuasa untuk mendengar dan menjatuhkan hukuman berkenaan dengan kes jenayah dan sivil yang termaktub dalam enakmen ini, yang selain daripada bidangkuasa Mahkamah Kadi daerah (seksyen 37 (3) dan (4)). Manakala Mahkamah Kadi daerah diberi kuasa untuk mengendalikan kes jenayah yang hukumannya tidak lebih dari satu bulan penjara atau denda yang tidak lebih dari seratus ringgit atau kedua-duanya. Dalam bidangkuasa sivil pula, ia hanya berkuasa mengendalikan

kes kes yang hukuman dendanya tidak lebih dari lima ratus ringgit.

Sebuah Mahkamah Rayuan (Religious Appeal Court) telah ditubuh di bawah seksyen 38 (1) enakmen ini. Mahkamah ini boleh menerima rayuan dalam kes jenayah yang hukuman dendanya tidak kurang dari dua puluh lima ringgit (\$25). Manakala dalam kehakiman sivil, rayuan boleh dikemukakan bagi hukuman kesalahan yang tidak kurang dari seratus ringgit (\$100).

Duli Yang Maha Mulia Sultan berkuasa melantik sekurang-kurangnya tujuh orang Islam yang berkelayakan bersama-sama seorang Mufti, bertindak sebagai ahli panel kepada Mahkamah Rayuan. Tiga dari tujuh orang ahli panel itu adalah dilantik dari ahli Majlis (seksyen 38 (2)).

Bermula dari seksyen 40 hingga ke seksyen 85 bahagian ini, diperuntukkan mengenai prosedur mahkamah dan termasuk di dalamnya prosedur-prosedur jenayah dan sivil. Antara prosedur-prosedur ini ialah berkenaan dengan hujah (evidence), saman, waran, tangkap tanpa waran, pendakwaan dan sebagainya.

Bahagian Keempat : Tabung Kewangan

Bahagian ini memperuntukkan bidangkuasa Majlis berkenaan dengan soal kewangan. Ia mengandungi sebanyak sembilan belas seksyen bermula dari seksyen 86 hingga ke seksyen 105.

Menurut seksyen 87 bahagian ini, sebuah Tabung Charit Am (General Endowment Fund) dibentuk di bawah Majlis. Tabung ini bertujuan untuk membantu Majlis pentadbir dan mengembangkan Agama Islam di Pahang. Antara peruntukan lainnya ialah berkenaan dengan soal kafal, nazar, zakat, fitrah dan sumbangan kebajikan.

Fasal Kelima : Masjid

Peruntukan yang terdapat di dalam bahagian ini berjumlah lapan seksyen iaitu bermula dari seksyen 106 hingga ke seksyen 114.

Keseluruhan peruntukan yang terdapat di sini, menerangkan berkenaan dengan kuasa Majlis sebagai pemegang amanah (trustee) kepada masjid-masjid di dalam

negeri, kuasa mendirikan masjid, melantik pegawai-pegawai masjid dan menentukan kuasa pegawai-pegawai tersebut.

Bahagian Keenam : Perkahwinan dan Perceraian

Terdapat dua puluh satu seksyen yang diperuntukkan dalam bahagian ini bermula dari seksyen 115 hingga seksyen 136.

Dalam seksyen 116 (1) dan (2), diperuntukkan kuasa mutlak untuk melantik pendaftar perkahwinan dan perceraian bagi orang-orang Islam. Kadi Besar diberi kuasa sebagai Ketua Pendaftar (ex-officio), manakala Kadi Besar bertindak sebagai timbalannya. Antara lain kandungannya ialah seperti berikut:

- i- Pertunangan (seksyen 117)
- ii- Kuasa mengakad perkahwinan (seksyen 118)
- iii- Keizinan perkahwinan (seksyen 120)
- iv- Pendaftaran perkahwinan (seksyen 124)
- v- Perceraian (seksyen 125 hingga seksyen 134)
- vi- Rujuk (seksyen 126 (5))
- vii- Khulu' (seksyen 123)

viii- Ceraf Taklik (seksyen 128)

ix- Fasakh (seksyen 129)

x- Mut'ah (seksyen 130)

xi- Mengandaikan suami mati (seksyen 131)

Bahagian Ketujuh : Nafkah Tanggungan

Seksyen di dalam bahagian ini bermula dari seksyen 137 hingga seksyen 143. Peruntukan seksyen 138 menjelaskan bahawa mana-mana perempuan (beragama Islam) yang dicerai, boleh melalui permohonan kepada Mahkamah Rati, meminta supaya suaminya menjelaskan nafkah tanggungan.

Begitu juga dengan hak mendapatkan nafkah tanggungan dari penjaganya oleh kanak-kanak di bawah umur lima belas tahun dan orang-orang yang tidak berkeupayaan kerana keuzuran atau berpenyakit (seksyen 139 dan 140).

Seksyen 141 memperuntukkan bahawa apabila seseorang itu cuai atau enggan menanggung anak-anaknya yang di luar nikah, maka mahkamah boleh boleh memerintah

upaya ia ditanggung oleh Baitulmal hingga ia sampai cukup umur.

Bahagian Kelapan : Mualaf

Fasal ini mempunyai tiga seksyen yang memperuntukkan bahawa Majlis perlu mendaftarkan nama-nama orang yang baru memeluk Agama Islam di dalam negeri Pahang (seksyen 144). Mana-mana orang yang mengislamkan orang baru, perlu melaporkannya kepada Majlis (seksyen 146).

Bahagian Kesenbilan : Kesalahan

Bahagian ini memperuntukkan berkenaan dengan kesalahan-kesalahan orang Islam yang boleh didakwa dan diambil tindakan oleh Mahkamah Syariah. Ia terkandung sebanyak dua puluh tujuh (27) seksyen yang bernaula dari seksyen 147 hingga seksyen 174.

Kesalahan-kesalahan yang diperuntukkan di bawah enakmen ini adalah seperti berikut:

- 1- Tidak sembahyang Jumaat
- 2- Minum arak
- 3- Makan di bulan Ramadhan
- 4- Engkar pada titah perintah sultan berkenaan dengan awal Ramadhan, Hari Raya Fitrah dan Hari Raya Haji.
- 5- Menyiksa isteri
- 6- Isteri yang tidak taat
- 7- Khalwat
- 8- Persetubuhan antara yang telah bercerai
- 9- Zina
- 10- Mengakadnikahkan perkahvinan secara tidak sah (melanggar peruntukan bahagian vi enakmen ini)
- 11- Tidak melapurkan perkahvinan dan membuat laporan palsu kepada pendaftar
- 12- Memungut wang dengan melanggar peruntukan seksyen 105 atau tanpa kuasa yang diberikan oleh Majlis
- 13- Amil yang tidak melaksanakan tugas atau menyelewengkannya
- 14- Cuai melaksanakan tugas-tugas yang ditentukan oleh statut
- 15- Memecah rahsia
- 16- Mendirikan masjid tanpa mendapat kebenaran Majlis (melanggar seksyen 107 enakmen ini)
- 17- Mengajar agama tanpa kebenaran Majlis
- 18- Mengajar ajaran salah
- 19- Mengeluarkan fatwa selain daripada Majlis, Mufti dan orang-orang yang telah diberi kuasa
- 20- Mencetak, menerbit, mengedar, menjual dan membawa

masuk ke dalam negeri, buku atau dokumen yang mengandung fatwa dan ajaran yang bertentangan dengan ajaran Islam

- 21- Menyalahgunakan ayat-ayat al Quran
- 22- Penghinaan terhadap pihak berkuasa agama
- 23- Menghina agama
- 24- Tidak membayar zakat fitrah, dan
- 25- Menghasut orang lain supaya meninggalkan kewajipan agama

Mengenai hukuman yang diperuntukkan oleh enakmen ini, dapat disimpulkan bahawa hukuman yang paling rendah boleh diputuskan oleh Mahkamah Syariah ialah dengan kadar denda tidak lebih dari sepuluh ringgit atau penjara selama tidak lebih dari tujuh hari.

Manakala kadar hukuman yang paling tinggi yang boleh diputuskan adalah dengan kadar denda sebanyak tidak lebih dari lima ratus ringgit dan penjara yang tidak lebih dari enam bulan. (Untuk keterangan yang lebih lanjut mengenai kesalahan dan hukuman di bawah enakmen ini, sila lihat lampiran 2)

3.1.2 - Pindaan Enakmen

Sepanjang pelaksanaan enakmen no. 5 tahun 1956 hingga ke awal dekad 80an, terdapat tiga pindaan enakmen yang digubal untuk mengemaskinikan pentadbiran Agama Islam di negeri Pahang. Pindaan ini dilakukan pada tahun 1960 iaitu enakmen no.2 tahun 1960 dan no. 14 tahun 1960, dan pada tahun 1963 iaitu enakmen no. 12 tahun 1963.

Dua pindaan yang dilakukan pada tahun 1960 telah menentukan enakmen ini dengan nama Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Pindaan) 1960 dan Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Pindaan no. 2) 1960. Kedua-dua enakmen ini berkuatkuasa mulai tarikh 15 Febuari 1960.

Di dalam Enakmen no. 2 tahun 1960, diperuntukkan pindaan sebanyak 34 seksyen. Termasuk di dalamnya juga tambahan seksyen sebanyak tujuh seksyen dan enam belas seksyen kecil (sub-section).

Antara pindaan dan tambahan enakmen ini adalah seperti berikut:(lihat lampiran 3)

1/ Pindaan yang di dalam bahagian kedua enakmen

asal (no. 5 1956) iaitu berkenaan dengan bidangkuasa Majlis. Peruntukan tambahan telah dibuat terhadap seksyen 22 dengan menambah seksyen-seksyen kecil iaitu 22 (A), 22 (B), 22 (C) dan 22 (D). Ini bertujuan untuk meningkat dan mengemaskinikan bidangkuasa Yang Di Pertua dan Setiausaha Majlis.

2/ Pindaan pada seksyen 37 (4) dalam bahagian ketiga, berkenaan dengan kehakiman Mahkamah Syariah. Peruntukan ini telah meningkatkan kuasa Mahkamah Kadi dalam menjatuhkan hukuman. Peruntukan asal kuasa Mahkamah Kadi mengenai kes jenayah (37 (4) (a)) telah dipinda dari kadar denda maksima sebanyak tidak lebih dari seratus ringgit atau penjara tidak lebih dari satu bulan, kepada kadar denda maksima yang tidak lebih dari dua ratus ringgit atau tidak lebih dari dua bulan.

Dalam soal kes sivil (37 (4) (b)), pindaan dibuat dari jumlah asal sebanyak lima ratus ringgit kepada kadar jumlah sebanyak seribu ringgit.

3/ Peruntukan tambahan kepada seksyen 39 iaitu seksyen 39 (A) berkenaan dengan kuasa Mahkamah Rayuan mengkaji semula kes-kes yang dikemukakan kepadanya dari

Mahkamah Kadi Besar dan Mahkamah Kadi.

4/ Pindaan dan tambahan kepada seksyen 86 dengan memasukkan seksyen baru iaitu seksyen 86 (1), (2), (3) dan (4). Peruntukan ini menerangkan berkenaan dengan penubuhan Tabung Khairat Am yang berasingan dari Bai-Mal.

5/ Pindaan terhadap kadar hukuman khalwat dalam seksyen 155 (1) (a) dan (b).

6/ Pindaan terhadap kadar hukuman kesalahan berse-
tubuh selepas perceraian iaitu pada seksyen 156 (1).

7/ Penambahan kepada seksyen 179 iaitu berkenaan dengan pengesahan pemakaian enakmen pindaan no. 2 tahun 1960 yang bermula pada 15 Februari 1960.

Enakmen no. 14 tahun 1960 (pindaan) hanya memperuntukkan pindaan kepada seksyen 54 (a) dan (b) enakmen 1956 sahaja. (lihat lampiran 4)

Manakala enakmen no. 12 tahun 1963 pula memperuntukkan tambahan kepada seksyen 45, dengan memasukkan

sub-section 45A (1), (2) dan (3) dan pindaan kepada seksyen 178.

Peruntukan tambahan seksyen 45A dan ceraiannya menerangkan berkenaan dengan kuasa Kadi Besar, Kadi dan orang-orang yang diberikan kuasa, mengesahkan saman yang dikeluarkan oleh mahkamah dalam negeri, untuk memanggil orang-orang yang berkenaan supaya hadir ke mahkamah. Sehubungan dengan peruntukan ini, satu jadual iaitu jadual kedua telah ditambah. Jadual kedua ini menentukan negeri-negeri di Malaysia, di mana pengeluaran saman oleh Kadi Besar, Kadi dan orang-orang yang diberi kuasa di negeri Pahang, boleh dikuatkuasakan di dalamnya. Negeri-negeri yang ditentukan di bawah enakmen ini berjumlah sepuluh buah iaitu negeri Johor, Kedah, Kelantan, Melaka, Negeri Sembilan, Pulau Pinang, Perak, Perlis, Selangor dan Terengganu.

3.2 - Badan Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam negeri Pahang

Pentadbiran Agama Islam di negeri Pahang mula bergerak dalam organisasi yang bersistem pada akhir

dekad ke enam puluhan, iaitu setelah enakmen no.5 tahun 1956 diperkenalkan. Terdapat dua buah badan tertinggi yang diberi kuasa di bawah enakmen ini, untuk mentadbir hal-hal yang bersangkutan dengan Agama Islam di negeri ini. Badan-badan tersebut ialah Majlis Agama Islam Pahang (MAIP) dan Jabatan Agama Islam Pahang (JAIP).

Penulis, dalam usaha menerangkan organisasi kedua-dua badan ini, telah cuba melihat secara ringkas bahagian-bahagian jawatan yang terdapat di dalamnya berdasarkan kepada pemakaian enakmen no. 5 tahun 1956 serta pindaannya pada tahun 1960 dan tahun 1963. (Berkenaan dengan pentadbiran masa kini, akan dijelaskan dalam fasal keempat). Disamping itu penulis juga cuba melihat struktur yang terdapat dalam Mahkamah Syariah di zaman sebelum dekad ke lapan puluhan untuk lebih menjelaskan situasi pentadbiran Agama Islam di negeri ini.

3.2.1 - Majlis Agama Islam Negeri Pahang

Naam penuh Majlis ini ialah Majlis Agama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang. Ia merupakan badan khas

yang ditubuhkan dengan mempunyai kuasa berasingan dengan kuasa kerajaan negeri. Majlis bertanggungjawab kepada sultan mengenai hal ehwal Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Pahang. (Susunan organisasi Majlis ini dapat dilihat di dalam lampiran 5)

1- Ahli-ahli Majlis

Majlis mempunyai tiga belas orang ahli semuanya. Ahli-ahli ini merupakan Ahli Jawatankuasa Permesyuaratan yang dipengerusikan oleh Yang Di Pertua Majlis. Mereka dilantik oleh DYMM Sultan untuk tempoh dua tahun sekali. Baginda juga mempunyai kuasa untuk melantik semua ahli yang telah habis tempoh perkhidmatannya dan kuasa menggantikan ahli-ahli itu dengan orang lain jika difikirkan patut.

Mufti dan Ketua Jabatan Agama adalah juga ahli kepada Majlis. Mereka menjadi ahli secara automatik berdasarkan kepada jawatan (secara ex-officio).

Kelayakan seseorang yang dilantik menjadi ahli Majlis ialah mesti berumur sekurang-kurangnya dua puluh

atau (21) tahun, beragama Islam dan jika rundingan dibuat atas perkara Adat Istiadat Melayu. Maka semua ahli hendaklah berbangsa Melayu. Jadi, orang-orang bukan Islam tidak berpeluang untuk menjadi ahli Majlis.

Ahli-ahli yang dilantik, boleh memohon perletakan jawatan kepada DYMM Sultan melalui Yang Di Pertua Majlis dengan memberikan alasan-alasannya.

Jawatan sebagai Ahli Majlis boleh terlucut dengan sebab ahli tiada di dalam negeri lebih dari tiga bulan, tanpa kebenaran Yang Di Pertua atau tidak menghadiri mesyuarat selama tiga hari berturut-turut tanpa kelulusan dari Yang Di Pertua.

2- Yang Di Pertua Majlis

Sebelum pelulusan Enakmen Tadbir Islam Pahang no. 5 tahun 1956, Menteri Besar dilantik menjadi Yang Di Pertua Majlis (secara ex-officio). Kemudian, sejak tahun 1960, jawatan ini disandang oleh Ketua Jabatan Agama. Tetapi jawatan ini tidak tetap dipegang oleh Ketua Jabatan Agama kerana tidak ada ketetapan dalam undang-

undang, siapakah yang sepatutnya menjadi Yang Di Pertua. Berlantikan kepada jawatan itu terpulang kepada budi bicara DYMM Sultan.

Yang Di Pertua mempunyai dua fungsi utama iaitu:

a/ Sebagai Ketua Institusi Agama yang tertinggi dan bertanggungjawab terhadap penjagaan serta pemeliharaan kedudukan Undang-undang Islam di Pahang.

b/ Sebagai pengerusi kepada mana-mana mesyuarat Majlis melainkan jika DYMM Sultan hadir. Jika di dalam mesyuarat, undi menentang dan undi menyokong adalah sama banyak, maka Yang Di Pertua mempunyai kuasa sebagai undi penutus.

Hubungan rasmi antara Yang Di Pertua Majlis dengan DYMM Sultan mestilah melalui Menteri Besar atau Setiausaha Kerajaan Negeri.

3- Setiausaha Majlis

Sebelum tahun 1960, jawatan ini dipegang oleh

Ketua Jabatan Agama. Kemudian, setelah enakmen no.2 tahun 1960 digubal dan dikuatkuasakan, kuasa Setiausaha Majlis telah diperuntukkan secara khususnya. Maka hanya diubah kepada satu jawatan yang berasingan dan tetap serta dimasukkan di dalam skim kakitangan Majlis.

Tugas Setiausaha Majlis ialah bertindak sebagai pegawai kerja. Ia bertanggungjawab menjaga hal ehwal kewangan masjid, menyediakan agenda mesyuarat, menyediakan anggaran Majlis, penyata ordit, mengawas bangunan dan kawasan pejabat Majlis, mengawas kerja-kerja kakitangan pejabat, memegang rekod kakitangan serta tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Yang Di Petua.

4 Bahagian-bahagian Pentadbiran dalam Majlis

1/ Pentadbiran Am

Bahagian ini bertanggungjawab dalam mentadbir atau menguruskan tugas-tugas yang diserahkan kepada setiausaha. Pentadbiran bahagian ini diketuai oleh Penolong Setiausaha yang menerima tugas-tugas dan arahan daripada Setiausaha.

Hubungan rasmi dengan Majlis dibuat melalui bahagian ini. Pertanyaan perseorangan mengenai fatwa sesuatu hukum boleh diajukan melalui bahagian ini supaya ia dapat dibawa dan dibincangkan dalam mesyuarat Majlis.

ii/ Bahagian Zakat dan Fitrah

Bahagian ini bukan sahaja menguruskan pengutipan zakat dan fitrah, tetapi juga bertanggungjawab menguruskan Baitulmal dan harta-harta Majlis. Ia diketuai oleh seorang pegawai zakat.

Tugas bahagian ini ialah membuat laporan mengenai pendapatan zakat dan fitrah dan melaporkan kepada Majlis setiap orang yang enggan menjelaskannya.

Tugas sampingan Pegawai Zakat ialah menguruskan Baitulmal dan membuat laporan mengenai pendapatan tahunannya, menguruskan pemungutan sewa bangunan-bangunan Majlis dan mentadbir harta-harta Majlis yang lain. Selain daripada itu, ia mempunyai tugas menyimpan rekod-rekod amal, rekod pegawai-pegawai masjid bagi

tiap daerah di negeri ini dan bertanggungjawab kepada kebajikan muallaf.

Ia juga bertanggungjawab mengeluarkan surat kuasa yang mentauliahkan seseorang menjadi amil, pegawai masjid dan surat-surat mengenai pengakuan muallaf menerima Islam sebagai agama mereka.

111- Bahagian Sekolah Agama Rakyat

Bahagian pengelolaan sekolah-sekolah agama rakyat diletakkan di bawah Majlis Agama berbeza dengan sekolah agama kerajaan yang diletak di bawah Jabatan Agama Islam.

Tanggungjawab pengelolaan ini dipegang oleh seorang yang diberi tugas sebagai Pengelola Sekolah Agama Rakyat. Beliau bertanggungjawab memerhatikan perjalanan semua sekolah agama rakyat di seluruh negeri. Pembayaran elaun kepada guru-guru sekolah agama rakyat dibuat melalui bahagian ini.

3.2.2 - Jabatan Agama Islam Pahang

Jabatan Agama Islam ini adalah satu Jabatan dalam struktur pentadbiran kerajaan negeri Pahang. Oleh itu pegawai-pegawai dan kakitangan yang berkhidmat di jabatan ini adalah pegawai dan kakitangan kerajaan. Ia mempunyai fungsi pentadbiran hal ehwal agama Islam yang berbeza dari Majlis, walaupun kedua-duanya bertanggungjawab terhadap pentadbiran Agama Islam di negeri Pahang keseluruhannya.

Badan ini terdiri dari lima bahagian dan diketuai oleh seorang Ketua Jabatan Agama. Bahagian-bahagian tersebut ialah Bahagian Kehakiman, Pentadbiran Am, Penerangan, Pelajaran dan Penguatkuasaan. Jawatan Mufti terletak di bawah badan ini, tetapi ia berasingan dari bahagian-bahagian yang ada. (sila lihat lampiran 5)

1/ Bahagian-bahagian di dalam Jabatan Agama

Fungsi bahagian-bahagian ini dapat dijelaskan seperti berikut:

I- Bahagian Pentadbiran An

Bahagian ini bertanggungjawab terhadap keseluruhan pentadbiran agama. Semua laporan dari bahagian-bahagian lain dalam jabatan, diproses atau disimpan di sini. Ia juga bertanggungjawab dalam urusan perhubungan* dalaman antara bahagian-bahagian dan perhubungan dengan orang atau jabatan luar.

Bahagian ini diketuai oleh seorang Pegawai Kerja Jabatan dengan arahan dan nasihat dari Ketua Jabatan Agama dan timbalannya.

II- Bahagian Penerangan

Bahagian ini diketuai oleh seorang Ketua Pegawai Penerangan Agama yang beribu pejabat di bangunan Jabatan Agama Islam di Pekan. Manakala pegawai-pegawai penerangan yang lain ditempatkan di tiap-tiap pejabat kadi daerah, seluruh negeri.

Tugas bahagian ini adalah sebagai lidah rasmi jabatan. Ia bertanggungjawab terhadap tugas-tugas penerangan tentang perkara-perkara yang bersangkutan

dengan hal ehwal Agama Islam dan perkara-perkara lain yang berhubung dengan jabatan. Bahagian ini juga bertugas menerbitkan sebarang penerbitan yang ada kaitan dengan ajaran Islam dan menyebarkan risalah dan penerbitan berkenaan kepada umat Islam di dalam negeri.

Lidah rasmi jabatan ini dikenali dengan nama Warta Jabatan Agama. Ia merupakan penerbitan tetap bahagian ini dan dikeluarkan dalam jangka masa tiga bulan sekali.

iii- Bahagian Pelajaran

Tugas bahagian ini ialah bertanggungjawab untuk menyediakan kemudahan pelajaran di sekolah-sekolah agama, termasuk menyediakan kurikulum agama dan buku-buku teks. Bahagian ini terbahagi kepada dua iaitu bahagian sekolah agama rendah dan sekolah agama menengah.

Kedua-dua bahagian ini diketuai oleh seorang nazir. Dia bertanggungjawab mengawasi guru-guru pelawat agama yang ditempatkan di tiap-tiap pejabat kadi daerah di seluruh negeri.

iv- Bahagian Penguatkuasaan

Bahagian ini bertanggungjawab memastikan undang-undang yang terkandung di dalam Enakmen Tadbir Agama Islam Pahang (Enakmen no. 5 tahun 1956), dipatuhi. Kesalahan-kesalahan yang di luar daripada enakmen ini, walaupun ianya salah di sisi Undang-undang Islam, tidak dapat didakwa oleh bahagian ini. Biasanya kes sedemikian dibawa ke Mahkamah Awam.

Tugas Penguatkuasaan ini dijalankan oleh seorang Pendakwaraya Mahkamah Syariah dengan kerjasama dan bantuan dari pegawai-pegawai di bawahnya, yang dikenali sebagai Pegawai Pencegah Maksiat.

v- Bahagian Kehakiman

Di bawah bahagian ini, ditubuhkan Mahkamah Syariah. Terdapat dua peringkat Mahkamah Syariah iaitu Mahkamah Kadi Besar dan Mahkamah Kadi Daerah. Di samping itu terdapat satu peringkat mahkamah yang mendengar rayuan iaitu Mahkamah Ulang Bicara Syariah. Mahkamah ini berfungsi mendengar kes-kes yang telah dibicara oleh mahkamah bawahan.

Bahagian Kehakiman diketuai oleh Kadi Besar dan beliau mempunyai kuasa membicarakan kes-kes dalam bidangkuasanya di seluruh negeri.⁸ Manakala Kadi Daerah hanya mempunyai kuasa di kawasan daerah tempatan sahaja dan membicarakan kes-kes yang lebih kecil serta rendah hukumannya.⁹

Kedua-dua mahkamah ini saling berkait dalam menjaga keadilan, tetapi mereka bebas dan tidak terikat di antara satu sama lain. Mereka menjalankan tugas dan fungsi masing-masing yang berbeza.

2/ Ketua Jabatan Agama

Ketua Jabatan Agama bertugas mengetuai pentadbiran jabatan. Perlantikan jawatan ini dibuat oleh kerajaan negeri melalui Suruhanjaya Perkhidmatan Awam serta mendapat persetujuan daripada DYMM Sultan Pahang.

Perlantikan ini berdasarkan kepada dua asas penting iaitu:

- a- kelayakan akademik dan pengalaman pentadbiran
- b- minat yang mendalam terhadap lapangan keagamaan.

Dia juga bertanggungjawab terhadap pentadbiran dan urusan pejabat agama dan pengajaran agama di sekolah-sekolah serta di kampung-kampung dalam negeri ini.

3/ Mufti

Jawatan Mufti terletak di bahagian khas di bawah Ketua Jabatan Agama. Jawatan ini mula diwujudkan sejak tahun 1941 apabila Kadi Besar bersara dari jawatannya.

Mufti dilantik oleh DYMM Sultan berdasarkan kepada kepakarannya dalam bidang ilmu Islam. Dia bertanggungjawab memberi fatwa dalam perkara hukum syarak yang dibicarakan oleh Mahkamah Awam.¹⁰ Setiap fatwa yang dikeluarkan mestilah dirujuk kepada pihak Majlis, kerana Mufti bertindak mengeluarkan fatwa bagi pihak Majlis.

Beliau merupakan seorang ahli panel Mahkamah Ulang Bicara (Rayuan) Syariah (biasanya sebagai pengerusi).¹¹

Ini merupakan hubungan langsung Mufti dengan sistem kehakiman dalam Mahkamah Syariah dan secara tidak langsungnya bertindak sebagai seorang hakim dalam

Mahkamah Rayuan Syariah.

Di samping itu, beliau berfungsi sebagai salah seorang Ahli Jawatankuasa Pangkuan Negeri yang bertanggungjawab terhadap Adat Istiadat Di Raja. Ini merupakan tugas di luar bidangkuasa yang diberi tauliah kepadanya. Beliau juga mempunyai tugas-tugas sampingan yang lain seperti mengarang khutbah jumaat untuk diedarkan ke masjid-masjid dan bertugas memberi ceramah agama di dalam negeri.

3.3 Struktur Pentadbiran Mahkamah Syariah Pahang

Sejak diisytiharkan kemerdekaan hinggalah ke awal dekad lapan puluhan, perjalanan Mahkamah Syariah adalah mengikut peruntukan Enakmen Pentadbiran Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Pahang no. 5 tahun 1956. Enakmen ini telah memansuhkan enakmen-enakmen mahkamah yang terdahulu.

Umumnya, kedudukan Mahkamah Syariah adalah terletak di bawah Bahagian Kehakiman Jabatan Agama Islam Pahang. Jika dilihat kepada tatattingkat Mahkamah Syari-

di Negeri Pahang, terdapat tiga jenis mahkamah yang berfungsi menjaga keadilan orang Islam menurut Enakmen tahun 1956. Mahkamah-mahkamah tersebut ialah Mahkamah Ulang Bicara Syariah, Mahkamah Kadi Besar dan Mahkamah Kadi Daerah.

Selain daripada Mahkamah Ulang Bicara, Mahkamah Syariah diketuai oleh seorang Kadi Besar. Dia bertindak sebagai pentadbir kepada keseluruhan Mahkamah Syariah yang terdapat di Negeri Pahang.

Perletakan Mahkamah Kadi di bawah pengawasan Kadi Besar adalah bertujuan supaya pentadbiran kehakiman di setiap daerah dapat diselaraskan dan akan menjadi lebih cekap serta efisien. Biar pun wujud pengawasan terhadap Mahkamah Kadi, ini tidak bererti mahkamah tersebut tidak mempunyai bidangkuasa tersendiri. Enakmen no. 5 tahun 1956 telah memperuntukkan bidangkuasa yang beraungan di antara Mahkamah Kadi Besar dan Mahkamah Kadi. Mahkamah Kadi Besar akan menjalankan perbicaraan mengikut peruntukan bidangkuasanya tersendiri. Manakala kes-kes yang terkandung dalam bidangkuasa Mahkamah Kadi tidak boleh dipindah atau dibicarakan oleh Mahkamah Kadi Besar.

Kuasa Mahkamah Syariah adalah jelas nampak terhadap sempit, bilamana Enakmen no.5 tahun 1956 telah memperuntukkan bahawa kedua-dua mahkamah ini tidak boleh membicarakan kesalahan-kesalahan orang bukan Islam dan apabila berlaku pertentangan di antara keputusan Mahkamah Syariah dengan Mahkamah Awam, maka keputusan Mahkamah Awam perlu diutamakan.¹⁴

3.3.1 - Mahkamah Ulang Bicara Syariah dan Bidangkuasanya

Mahkamah ini ditubuhkan sebagai sebuah badan rayuan yang terakhir, setelah sesuatu kes dibicarakan di Mahkamah Kadi Besar atau Mahkamah Kadi.¹⁵ Ia diketuai oleh Mufti yang bertindak sebagai pengerusi.

Tujuan penting penubuhan ini dibuat adalah untuk mencapai keputusan muktamad dalam membicarakan sesuatu kes dan sekurang-kurangnya pihak yang terlibat dalam perbicaraan, dapat menyuarkan ketidakpuasan hatinya terhadap keputusan yang dibuat oleh mahkamah bawahan (Mahkamah Kadi Besar dan Mahkamah Kadi).

Ahli Mahkamah Ulang Bicara ini dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan seramai tujuh orang termasuk Mufti kerajaan negeri. Perlantikan ini dibuat pada petrap tahun. Tiga orang daripada mereka akan dipilih untuk mengendalikan perbicaraan apabila terdapat kes-kes yang dibawa sebagai rayuan.

Perlantikan ketiga-tiga ahli panel ini dibuat oleh Majlis Agama Islam Pahang, dan nama-nama mereka akan diisytiharkan di dalam Warta Kerajaan Pahang.

Mufti Kerajaan Pahang diberi tugas untuk bertindak sebagai Ketua Hakim dalam mahkamah ini. Salah seorang daripada dua ahli panel mahkamah tersebut adalah (mesti lah) yang memegang atau telah memegang jawatan kehakiman (judicial office) di dalam sebuah Negeri Melayu. Jika Mufti tidak hadir semasa perbicaraan, maka dialah orang yang layak menjadi Ketua Hakim untuk sementara waktu.

Mengenai bidangkuasa mahkamah ini, Enakmen no. 5 tahun 1956 telah memperuntukkan bahawa ia boleh menerima rayuan pada kes yang kadar dendanya tidak kurang daripada dua puluh lima ringgit (\$25) dalam bidang

16
rayah dan tidak kurang dari seratus ringgit (\$100)
18
dalam kes sivil (mal).

19
20
Ia juga diberi kuasa, dalam bidang sivil, untuk
mendengar rayuan dari pihak yang tidak berpuashati
dalam kes-kes mengenai tarat diri dan kes-kes yang
berkaitan dengan nafkah tanggungan.

Ketika membuat sesuatu keputusan perbicaraan,
Mahkamah Ulang Bicara Syariah boleh, dalam perkara
rayah, mengesah atau membatalkan pengsabitan, menge-
sahkan, membatalkan atau mengurangkan hukuman, atau
21
memerintah supaya kes itu dibicarakan semula. Manaka-
la di dalam perkara sivil, ia berkuasa untuk mengesah-
kan, mengubahkan atau mengurangkan keputusan (hukuman)
yang dibuat oleh mahkamah bawahan. Ia juga boleh menja-
lankan apa-apa kuasa dan membuat apa-apa perintah
seperti yang telah dijalankan atau dibuat oleh mahkamah
yang membicarakannya, ataupun memerintah supaya kes itu
22
dibicarakan semula.

1.3.2 - Mahkamah Kadi Besar dan Bidangkuasanya

Menurut seksyen 36 (1) Enakmen no. 5 tahun 1956, Mahkamah Kadi Besar ditubuhkan untuk Negeri Johor. Mahkamah ini diketuai oleh seorang Kadi Besar yang bertindak sebagai hakim dan membicarakan kes-kes yang termasuk di dalam bidangkuasanya di seluruh negeri.

Tempat bersidang Mahkamah ini tidak ditetapkan di satu-satu tempat. Malah ia boleh bersidang di Mahkamah Kadi Daerah sebagai Mahkamah Kadi Besar.

Didalam membicarakan kes jenayah, mahkamah ini terpaksa mengikut peruntukan Enakmen no. 5 tahun 1956 dan pindaannya pada tahun 1960. Ia tidak diberi kuasa langsung untuk mengikut Undang-undang Islam dalam menjatuhkan hukuman bagi kesalahan-kesalahan yang ditetapkan oleh al Quran. Hukuman maksima yang boleh dijatuhkan oleh mahkamah ini, dalam kes jenayah ialah penjara yang tidak lebih dari enam bulan atau denda yang tidak lebih dari seribu ringgit (\$1000). Antara kes-kes jenayah yang dibicarakan, termasuklah kes perisetubuhan haram, hutang nafkah anak, ²³ sumbang dan

Manakala dalam kes sivil, ia berkuasa membicarakan kes-kes yang hukuman dendanya adalah melebihi seribu ringgit (\$1000).²⁴ Kes-kes sivil yang termasuk di dalam bidangkuasanya untuk dibicarakan ialah:

i) Pertunangan, perkahvinan, perceraian, perkahvinan yang tidak sah atau perceraian yang dihukum oleh mahkamah.

ii) Apa-apa perselisihan atau tuntutan di atas harta yang bersangkutan dengan perkara (i) di atas.

iii) Maklah bagi orang-orang dan tanggungan, anak-anak yang halal, penjaga atau memelihara anak.

iv) Bahagian atau tuntutan di atas harta sepencarian.

v) Ketetapan bagi hal orang-orang yang berhak mendapat bahagian dari harta orang mati yang beragama Islam.

vi) Wasiat dari orang pada ketika hendak mati ia beragama Islam.

vii) Pemberian atau hebah yang dibuat dengan tidak berkehendakkan balasan wang atau benda oleh seorang Islam.

viii) Wakaf atau nazar.

ix) Lain-lain perkara yang kuasa baginya diberi oleh mana-mana undang-undang bertulis.

Dalam melaksanakan bidangkuasanya, Mahkamah Kadi

tidak boleh membicarakan kes-kes yang diperuntukkan kepada Mahkamah Kadi Daerah.

3.3.3 - Mahkamah Kadi Daerah dan Bidangkuasanya

Mahkamah Kadi ditubuhkan di bawah seksyen 36 (2) Enakmen no. 5 tahun 1956. Penubuhan ini diisytiharkan di dalam Warta Kerajaan. Sehingga awal tahun 1980an, terdapat sepuluh buah Mahkamah Kadi di setiap daerah di Negeri Pahang, iaitu di daerah Kuantan, Pekan, Rompin, Chenor, Temerloh, Raub, Kuala Lipis, Jerantut, Bentong dan Cameron Highland.

Mahkamah ini diketuai oleh Kadi Daerah sebagai hakim membicarakan kes-kes yang diperuntukkan dalam bidangkuasanya. Tempat bersidang perbicaraan mahkamah ini ditetapkan iaitu di bangunan Pejabat Kadi di setiap daerah.

Melihat kepada bidangkuasa Mahkamah Kadi Daerah, dalam kes jenayah, ia hanya boleh membicarakan kesala-

man yang hukuman dendanya tidak lebih dari dua ratus ringgit (\$200) atau penjara tidak melebihi dua bulan. Manakala dalam kes sivil pula, ia diberi kuasa untuk membicarakan kesalahan yang kadar hukumannya tidak melebihi seribu ringgit (\$1000) atau membicarakan perkara-perkara yang tidak dapat dinilai seperti permohonan tuntutan cerai.

25

3.3.4 - Bahagian Pendakwaan

Bahagian Pendakwaan adalah bahagian khas dalam Jabatan Agama Islam yang diletak berasingan dengan bahagian kehakiman (lihat lampiran 5). Penubuhan bahagian secara berasingan berlaku pada tahun 1968. Sebelum daripada itu, ia terletak di bawah Mahkamah Syariah.

Di bawah bahagian ini diwujudkan jawatan Pendakwaraya Mahkamah Syariah. Hanya terdapat seorang Pendakwaraya yang bertugas mendakwa semua kes yang dibawa ke Mahkamah Syariah di seluruh Negeri Pahang.

Selain daripada tugas pendakwaan, beliau juga

mempunyai tugas-tugas lain yang berkaitan dengan:

- a- menyusun perjalanan mahkamah.
- b- menerima laporan dan aduan kes.
- c- menyediakan surat pinta keluaran saman dan surat-surat lain berhubung dengan perbicaraan.
- d- hadir di dalam perbicaraan bila dipinta oleh Kadi Besar atau Kadi Daerah.
- e- melaporkan keputusan perbicaraan mengenai kes-kes yang didakwa kepada Ketua Jabatan Agama.

Oleh kerana beban tugas terletak hanya kepada seorang Pendakwaraya, maka perjalanan perbicaraan kes menjadi tidak lancar. Selalu terjadi perbicaraan yang terpaksa ditangguh dan terpaksa menunggu giliran, kerana pegawai pendakwa akan bergerak ke mahkamah-mahkamah seluruh negeri mengikut pusingan.

Selain daripada Pendakwaraya, terdapat orang-orang tertentu yang diberi kuasa untuk mendakwa seseorang dalam kes jenayah. Seksyen 57, Enakmen no. 5 tahun 1956 telah memperuntukkan kuasa ini kepada:

- a- Seorang yang dilantik oleh Majlis Pendakwa
- b- Seorang Polis atau Penghulu

c. Orang yang mengadu.

Akan tetapi, secara praktikalnya, jarang sekali dakwaan dibuat oleh mereka ini.

Dalam kes sivil, umumnya dakwaan dibuat oleh orang yang menuntut terhadap orang yang kena tuntutan. Perwakilan juga menjadi kelaziman semasa membuat dakwaan di Mahkamah Syariah Negeri Pahang. Peguam dibenarkan bertindak sama ada untuk pihak menuntut atau pihak yang kena tuntutan.

3.3.5 - Pencegah Maksiat

Jawatan pencegah maksiat diwujudkan bersama jawatan jawatan lain di bawah Jabatan. Jawatan ini diadakan tanpa melantik khas orang tertentu untuk menjalankan tugasnya.

Kuasa untuk membuat rondaan dan mencegah maksiat dijalankan oleh Pegawai Penerangan Agama yang ditempatkan di tiap-tiap Pejabat Kadi Daerah. Ini merupakan tugas sampingan baginya menjalankan tugas sebagai

Pegawai Pencegah Maksiat.

Tugas pegawai ini seringkali dibantu oleh pegawai
 26 polis. Kadang-kadang terdapat kerjasama dari pihak
 polis, menangkap pesalah di bawah enakmen dan menyer-
 hukannya kepada Pegawai Pencegah Maksiat.

3.3.6 - Pegawai Pemeriksa Hal Ehwal Agama Islam

Tujuan diwujudkan jawatan ini adalah untuk menyelia
 pengajaran Agama Islam di seluruh Negeri Pahang. Orang
 yang menjabat jawatan ini bertugas memerhati dan
 mengeluarkan surat kebenaran mengajar kepada guru-guru
 agama.

Oleh yang demikian, apabila kedapatan kes mengajar
 agama yang diragukan, maka pegawai ini perlulah menyia-
 sat dan membawa kes tersebut kepada Majlis untuk diten-
 tukan sama ada ajaran itu benar atau tidak. Jika hanya
 didapati salah, pendakwaan akan dibuat ke atas guru
 tersebut.

Islam Dalam Perlembagaan Malaysia

Perkara 3 (1) dalam Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan "Agama Islam ialah agama rasmi bagi Persekutuan, tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan". Artinya, Agama Islam dianggap sebagai agama rasmi, sedangkan penganut agama lain bebas mengamalkan agamanya. Prinsip kebebasan beragama ini ditegaskan lagi dalam peruntukan perkara 11 (1 - 3) dan perkara 12 (1).

3.4.1 - Prinsip Autonomi Negeri

Sungguhpun Agama Islam diakui sebagai agama rasmi Persekutuan, tetapi kerajaan pusat tidaklah berkuasa melaksanakan soal-soal yang berkaitan dengannya. Kuasa pusat hanyalah untuk tujuan-tujuan upacara (ceremonial purposes). Contohnya, kuasa membolehkan bacaan doa di upacara-upacara rasmi seperti di hari pertabalan Yang di Pertuan Agong, di hari kemerdekaan dan sebagainya. Kuasa sebenarnya, dalam urusan pentadbiran Agama Islam adalah terletak pada kerajaan negeri. Sultan adalah

26
merupakan ketua agama di dalam negeri masing-masing.
27
Walaupun bagi negeri yang tiada sultan seperti Melaka,
Pulau Pinang, Sabah dan Saravak, ketua agamanya adalah
diwakili oleh Yang di Pertuan Agong di samping bagin-
28
ya menjadi ketua agama bagi negerinya sendiri. 30

Walaupun kuasa autonomi telah diberikan kepada
kerajaan negeri untuk mentadbir dalam urusan agama,
akan tetapi hanya telah disempitkan dan hanya dibatas-
kan kepada soal-soal undang-undang diri (personal law)
saja, seperti dalam soal nikah-ceraai atau warisan
31
pusaka.

Di samping itu, kerajaan pusat melalui Yang di
Pertuan Agong dan Majlis Raja-raja Melayu boleh campur-
32
tangan untuk tujuan penyelarasan pentadbiran agama
seperti mengumpul dan menyatukan fikiran dari segi
pengurusan zakat, fitrah, Baitulmal dan wakaf serta
penetapan tarikh awal Ramadhan dan Syawal.

Kerajaan pusat juga boleh mengadakan bantuan
kerajaan, khas untuk menubuh atau menyelenggara insti-
tusi-institusi Islam untuk mengembangkan Agama Islam
kepada penganutnya. Oleh yang demikian, untuk tujuan
ini, telah ditubuhkan Pusat Penyelidikan Islam dan

ayasan Dakwah Islamiah Malaysia di bawah Jabatan Perdana Menteri.

3.4.2 - Peruntukan Undang-undang dan Kehakiman Mahkamah Syariah

Perlembagaan Persekutuan adalah undang-undang tertinggi Persekutuan dan setiap undang-undang yang telah dikuatkuasakan (selepas berdeka), hendaklah tidak bertentangan dengannya. ³⁴ Begitu juga dengan kedudukan undang-undang negeri; "Jika undang-undang negeri adalah berlawanan dengan undang-undang persekutuan, maka undang-undang persekutuan itu hendaklah terpakai dan undang-undang negeri hendaklah terbatal setakat mana ³⁵ ia bertentangan".

Walaupun Agama Islam telah diisytiharkan sebagai agama Persekutuan, hakikat ini tidak boleh digunakan untuk mengatasi peruntukan perlembagaan ini. Undang-undang Islam menurut perlembagaan, diertikan sebagai 'undang-undang diri' (personal Law) dan undang-undang keluarga sahaja. Ia tidak mempunyai kuasa yang menyeluruh.

huh, tetapi hanya boleh dikuatkuasakan terhadap orang-orang Islam sahaja:

"Semua orang adalah sama rata di sisi undang-undang dan berhak mendapat perlindungan yang sama rata di sisi undang-undang" 36

Peruntukan mengenai undang-undang diri dan undang-undang keluarga dijelaskan dengan terperinci di dalam Jadual Kesembilan, Senarai Kedua-Senarai Negeri, Perlembagaan Persekutuan yang berbunyi:

"Hukum Syara' dan undang-undang diri dan keluarga bagi orang yang menganut Agama Islam, termasuk Hukum Syara' berhubung dengan kewarisan harta berwasiat, pertunangan, perkhidmatan, nafkah, pengambilan anak angkat, kesahtrafan, penjagaan anak, pemberian, pembahagian harta dan amanah bukan khairat, wakaf Islam dan takrif pemegang-pemegang amanah dan perbadanan bagi orang-orang mengenai pemberian Agama Islam dan khairat, institusi, amanah, khairat dan institusi yang dijalankan semuanya sekali dalam negeri; adat istiadat Melayu, zakat, fitrah dan baitulmal atas hasil Agama Islam yang seumpamanya; masjid atau mana-mana tempat sembahyang awam untuk orang Islam"

".... mengadakan dan menghukum kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh orang-orang yang menganut Agama Islam terhadap rukun-rukun Islam, kecuali perkara-perkara yang termasuk dalam senarai persekutuan; keanggotaan, penyusunan dan acara bagi Mahkamah-mahkamah Syariah yang akan mempunyai bidangkuasa hanya ke atas orang-orang yang menganut Agama Islam dan

hanya mengenali mana-mana perkara yang termasuk dalam perenggan ini, tetapi tidak mempunyai bidangkuasa mengenai kesalahan-kesalahan kecuali setakat yang diberi oleh Undang-undang Persekutuan; mengawal kesalahan-kesalahan iktikad dan kepercayaan antara orang-orang yang menganut Agama Islam; menyatukan perkara-perkara Hukum Syara' dan iktikad dan adat Istiadat Melayu".

Frasa kedua dalam peruntukan di atas adalah berkenaan dengan bidangkuasa Mahkamah Syariah. Terdapat dua kenyataan yang penting mengenai frasa ini, iaitu:

a/ Bidangkuasa Mahkamah Syariah hanya boleh membiarakan kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh orang Islam sahaja. Ia tidak memberi kesan kepada orang bukan Islam.

b/ Mahkamah Syariah tidak diberi kuasa untuk menjatuhkan hukuman dengan sevenang-wenangnyanya. Ini adalah kerana ia dikawal oleh Parlimen dan hanya mempunyai bidangkuasa yang tertakluk di bawah peruntukan Perlembagaan Persekutuan.

Sejak diperkenalkan Perlembagaan Persekutuan, bidangkuasa yang diberikan kepada Mahkamah Syariah amat terhad, walaupun kesalahn yang dibicarakan itu termasuk di dalam undang-undang diri dan keluarga. Contohnya

Pada tahun 1965, satu undang-undang telah diluluskan oleh Parlimen dan dikenali sebagai Akta Mahkamah Syariah (Bidangkuasa Jenayah) 1965. Akta ini, secara langsung telah memaksa Mahkamah Syariah mengikut ketetapan. Dalam menentukan hukuman, Mahkamah Syariah tidak boleh membicarakan sesuatu kes jenayah jika hukuman bagi kesalahan itu adalah hukuman yang lebih berat daripada penjara selama enam bulan atau denda sebanyak seribu ringgit.

Penakalan bidangkuasa ini terus berjalan perlaksanaannya hinggalah pada tahun 1984, bilamana Akta Mahkamah Syariah (Bidangkuasa Jenayah) 1984 diluluskan. Akta ini telah memperuntukkan hukuman maksima bagi kes jenayah yang lebih tinggi boleh dibicarakan oleh Mahkamah Syariah, iaitu kadar denda berjumlah lima ribu ringgit atau penjara selama tiga tahun atau kedua-duanya, dan hukuman sebat sebanyak enam sebatan.

Pada tahun 1988, satu pindaan telah dibuat kepada Perlembagaan Persekutuan dengan memperuntukkan seksyen 121 (1A), iaitu berkenaan dengan taraf Mahkamah Syariah. Mengikut peruntukan itu, Mahkamah-mahkamah Agama tidak mempunyai bidangkuasa berkenaan dengan apa-apa perkara dalam bidangkuasa Mahkamah Syariah. Ini bererti

prosedur pengasingan bidangkuasa di antara kedua jenis Mahkamah dan Mahkamah Syariah dapat melaksanakan bidangkuasanya tanpa memerlukan lagi kepada pengawasan Mahkamah Agung (Mahkamah Tinggi).

Usaha kerajaan untuk meningkatkan taraf Mahkamah Syariah di setiap negeri, kian hari kian terserlah. Mula-mula dari kebangkitan dan kesedaran terhadap penghayatan Agama Islam di kalangan rakyat, sedikit demi sedikit telah memberi kesan ke arah meningkatkan Undang-undang Islam di dalam sistem perundangan negara.

Warta Jabatan Agama Islam Pahang, bil. 12, tahun 1986.

Seksyen 180 (Jadual Portema), Enakmen no. 5 tahun 1956.

Peruntukan mengenai rujuk, hanya diletak di bawah cerai
lima sekseyen 126.

Reporti terkandung dalam sekseyen 154 mengenai isteri yang
tidak taat.

Nama ini berkuatkuasa sejak 1977, atas titah perintah
sultan (tanpa diisytiharkan di dalam Warta Kerajaan).

Warta Kerajaan Pahang, Jld. 31, no. A.

Jawatan ini adalah tetap dan berpencen kecuali guru agama
sekolah menengah agama kerajaan.

Enakmen Tadbir Agama Islam Pahang 1956 (no. 5/ 1956),
sekseyen 37 (1).

Id, sekseyen 37 (2).

Id, sekseyen 33.

Id, sekseyen 38 (3).

Id, sekseyen 37 (3).

Id, sekseyen 37 (5).

Id, sekseyen 37 (6).

Id, sekseyen 38 (1).

Id, sekseyen 38 (2).

Id, sekseyen 38 (3).

Id, sekseyen 38 (1) (a) dan (b).

Id, sekseyen 38 (1) (b) (ii).

Id, sekseyen 38 (1) (b) (iii).

Id, sekseyen 38 (4) (a).

P 10, seksyen 38 (4) (b).

Per ini dimasukkan di dalam kumpulan jenayah, tetapi ia sebenarnya adalah kes jenayah mal.

Karta Jahan Ageng Islam Jelang, Hal. 12 tahun 1986.

Perkara 11, Enakmen no. 2 1960 (Pindaan) yang meminda seksyen 27 (a) dan (b).

Polis diberi kuasa untuk melakukan tangkap tanpa waran di bawah seksyen 54, Enakmen no. 2 tahun 1960.

Abdul Rahman Hj. Abdullah, Sejarah Dan Fikiriran Islam, 1981, hal. 362.

Perlembagaan Persekutuan (Pindaan) 1988, seksyen 3 (2).

P 10, seksyen 3 (3).

P 10, seksyen 34 (1).

Thid, Jadual 9, Senarai 2, seksyen 1.

P 10, seksyen 3 (2) dan 38 (2).

Thid, seksyen 12 (2).

P 10, seksyen 4 (1).

P 10, seksyen 75.

Thid, seksyen 8 (1).